

**IDENTITI POLITIK DAN KESELAMATAN:  
KAJIAN KES WALLACE BAY, PULAU  
SEBATIK, SABAH**

**LA MASRI BIN MANSYUR**

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2010**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL IDENTITI POLITIK DAN KESELAMATAN:

KAJIAN ICES WALLACE BAY, PULAU SERATIK, SABAH

IJAZAH SASTERA (HUBUNGAN ANTARA BANGSA)

SAYA LA MASRI B. MANSYUR SESI PENGAJIAN \_\_\_\_\_  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

  
(TANDA TANGAN PENULIS)

Alamat tetap KG. JAWA  
KONGSI 10, P.S 411  
91007 TAWAU, SABAH

Tarikh: 19/8/2010

  
(TANDA TANGAN PUSTAKAWAN)

ZAINI OTTHMAN

Nama Penyelia

Tarikh: 19/8/2010

CATATAN:- Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

28 JULAI 2010

  
\_\_\_\_\_  
LA MASRI BIN MANSYUR  
PA20068297



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : LA MASRI MANSYUR

NO. MATRIK : PA20068297

TAJUK : IDENTITI POLITIK DAN  
KESELAMATAN: KAJIAN KES WALLACE BAY  
PULAU SEBATIK, SABAH

IJAZAH : SARJANA SASTERA  
(INTERNATIONAL RELATIONS)

TARIKH VIVA : 29 DECEMBER 2009

## DISAHKAN OLEH


PENYELIA

1. ZAINI OTHMAN

Tanda Tangan



ZAINI OTHMAN  
Head  
International Relations Programme  
School of Social Science  
Universiti Malaysia Sabah



## PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan salam serta selawat kepada junjungan Nabi Muhammad SAW. Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadirat Allah SWT diatas kudrat dan akal fikiran yang baik yang telah Allah berikan untuk membolehkan saya menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya pemberian Allah ini merupakan tulang belakang diatas kejayaan saya men lengkapkan hasil kerja saya ini.

Sokongan keluarga juga amat bermakna buat saya. Dengan dorongan keluarga, saya mempunyai kekuatan untuk meneruskan kajian yang bagi saya amat sukar untuk dilaksanakan ini. Kajian yang melibatkan persempadanan sebenarnya bukanlah mudah untuk dilaksanakan. Dengan memerlukan komitmen yang tinggi untuk sentiasa berada jauh di pedalaman persempadanan negara mendapatkan apa yang dicari, tanpa dorongan keluarga terutamanya ibu (Hajah Hasnah Bt Jafar), tidak mungkin kajian ini berjalan dengan lancar. Semangat yang diberikan sentiasa mendorong saya untuk meneruskan kajian walau sesukar mana pun ia.

Bantuan dan tunjuk ajar penyelia saya, Encik Zaini Othman sebagai guru dan pembimbing yang berpengalaman menjadikan saya seorang pengkaji yang tidak pernah jemu meneruskan perjalanan kajian ini sehingga ke hari tesis ini dapat disiapkan. Sesungguhnya jasa dan peranan penyelia saya teramat-amat penting khususnya dalam menyediakan landasan yang betul untuk memastikan perjalanan kajian ini tidak lari dari apa yang dikehendaki sebagai sebuah kajian yang bermutu dan dapat diterima oleh para pembaca serta pengkaji-pengkaji lain. Sebagai pembimbing yang mesra, ia menjadikan kajian ini sebagai satu kajian yang seronok untuk dilakukan dan ibarat kawan, beliau sentiasa memberikan masa untuk pengkaji merujuk apa-apa yang diperlukan tanpa mengira waktu. Penting juga, beliau sentiasa memberi peluang untuk pelajarnya menguratakan pendapat tanpa menyekat idea-idea yang dirasakan amat perlu dalam kajian ini.

Peranan Universiti Malaysia Sabah dan Sekolah Sains Sosial sebagai medium untuk pengkaji menuntut ilmu teramat memberi makna yang khas buat saya khususnya dalam usaha untuk menamatkan pelajaran sebagai seorang pemegang ijazah (*master*). Akhirnya, kepada semua yang telah membantu saya secara sedar atau tidak jutaan terima kasih diucapkan dan setinggi-tinggi harapan saya agar kajian ini akan berguna untuk semua. Semoga ia dapat memberi manfaat kepada sesiapa yang memerlukan. Insyallah.

## ABSTRAK

### **IDENTITI POLITIK DAN KESELAMATAN: KAJIAN KES WALLACE BAY, PULAU SEBATIK, SABAH**

Kajian ini meneliti hubungan timbal-balik diantara aspek nasionalisme, identiti politik dan persoalan keselamatan dalam kalangan komuniti sempadan di Pulau Sebatik Tawau, Sabah. Dalam erti kata lain menganalisis sejauhmanakah elemen nasionalisme dan identiti politik mempunyai impak terhadap tahap dan kestabilan keselamatan Malaysia di sempadan. Di dalam era teknologi maklumat kini, nasionalisme, identiti politik dan keselamatan negara dilihat berhadapan dengan pelbagai bentuk halangan dan cabaran. Proses globalisasi telah dikatakan menjana darjah keterbukaan yang tinggi sehingga melangkaui sempadan nasional yang mampu menggugat keutuhan identiti politik dan keselamatan nasional sesebuah masyarakat dan juga negara. Sarjana kontemporeri telah menghujahkan bahawa globalisasi telah membentuk sebuah komuniti yang mempunyai kepelbagaiannya latarbelakang sosiobudaya. Maka, identiti [dalam konteks kajian ini identiti politik] dan nasionalisme dikatakan semakin menerima penolakan dan kehakisan akibat daripada fenomena dunia tanpa sempadan. Bersandarkan kepada hujah tersebut, kajian ini menganalisis kesan sosiologikal fenomena dunia tanpa sempadan terhadap komuniti sempadan Pulau Sebatik dan sejauhmanakah kesan sosiologikal tersebut meninggalkan kesan yang negatif terhadap keutuhan keselamatan Malaysia, khususnya dalam kalangan komuniti sempadan. Bagi merungkai persoalan kajian yang diutarakan, kajian ini mengadaptasi pendekatan kualitatif dengan bersandarkan kepada konsep keselamatan non-tradisional iaitu identiti politik dan nasionalisme sebagai alat analisis. Alat analisis tersebut diadunkan pula dengan kaedah etnografi sebagai alat bantu dalam proses pengutipan data kajian. Gabungan diantara pendekatan kualitatif sebagai kerangka kajian dan kaedah etnografi sebagai cara pengutipan data telah menemukan dapatan kajian bahawa nasionalisme dan identiti politik mempunyai hubungan yang simbiosis dengan aspek keselamatan; dan dalam konteks komuniti sempadan Pulau Sebatik, Tawau tahap identiti politik dan hubungannya dengan keselamatan dapat disimpulkan sebagai stabil tetapi rapuh, iaitu selari dengan hujah Buzan [1991] yang menyatakan bahawa aspek keselamatan non-tradisional [dalam konteks ini identiti politik dan nasionalisme] jika tidak diurus dengan baik akan menjadi ancaman dan hambatan politik kepada Malaysia sebagai sebuah negara bangsa.

## **ABSTRACT**

*This research studies the question of security through the concept of nationalism and political identity among the border community of Pulau Sebatik. In other words, this research seeks to analysis to what extend that nationalism and political identity does have an impact towards Malaysia security at the border, vis-à-vis, border community of Pulau Sebatik. In today's age of information, the issue of national identity and nation's security seems to be at stake and frequently challenged in various manner. The process of globalization has generated massive degree of openness that straddles national boundaries and thus takes its toll on national identity and security. Contemporary scholars reiterate that the phenomenon of globalization has established a kind of community with diverse socio-cultural backgrounds. As the world is becoming integrated, identity [in this case political identity] is said to be on the decline. Dwelling on this argument, this study has analyzed the sociological impact of borderless world phenomenon on political identity of Pulau Sebatik community and to what extant that such sociological impact has a negative consequence towards Malaysia security, particularly at the border. In doing so, this study adopted a qualitative approach using non-traditional security, identity and nationalism as its tools of analysis. Those tools have been blended with ethnographic methods in data collecting activities. Through the combination of both methods, this study found that political identity and security does have its symbiosis relations; and as in the case of border community of Pulau Sebatik the state of political identity and its relations with security can be coined as stable but fragile. Thus, parallel with Buzan [1991] recent argument that non-traditional security aspects if not carefully managed would likely to emerge as unseen lethal threat to the future survival of a nation.*



## **SENARAI KANDUNGAN**

	<b>Halaman</b>
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK (BAHASA MELAYU)	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI PETA	x
SENARAI CARTA PAI	xi
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

## **BAB 1 : MEMPERTIMBANGKAN PERSOALAN**

1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.0.1 Keselamatan	6
1.0.2 Identiti	9
1.0.3 Nasionalisme	11
1.1 Objektif Kajian	13
1.2 Kepentingan Kajian	13
1.3 Kawasan Kajian	14
1.4 Kaedah Kutipan Data/Metodologi	14
1.5 Susunan Kajian	15

1.6	Sorotan Literatur	15
1.7	Alat Analisis	24
1.8	Kesimpulan	25

**BAB 2 : PERTIMBANGAN TEORI : KESELAMATAN, IDENTITI POLITIK DAN NASIONALISME**

2.0	Pengenalan	26
2.1	Keselamatan	26
2.1.1	Definisi Keselamatan	29
2.1.2	Konsep Keselamatan dan Perkembangan	32
2.1.2.1	Keselamatan Tradisional (Keselamatan Militari)	33
2.1.2.2	Keselamatan Non-Tradisional	39
2.1.3	Perkembangan dan Peralihan Keselamatan Tradisional Kepada Keselamatan Moden	42
2.1.3.1	Perkembangan Sebelum Tahun 1970-an	42
2.1.3.2	Perkembangan Selepas Era Tahun 1970-an	43
2.1.4	Konsep Keselamatan Negara Dunia Ketiga	46
2.1.4.1	Keselamatan Politik	49
2.1.4.2	Keselamatan Sosial	51
2.1.5	Kesimpulan	54
2.2	Identiti	55
2.2.1	Definisi dan Konsep Identiti	56
a)	Identiti Individu	57
b)	Identiti Kolektif	59
2.2.2	Sejarah dan Perkembangan Pengkajian Identiti	60
a)	Zaman klasik	61
b)	Pengkajian Identiti Abad Ke-20	62
2.2.3	Identiti Politik dan Politik Identiti	68
2.2.4	Kesimpulan	72

2.3	Nasionalisme	74
2.3.1	Nasionalisme dan Sejarah	75
2.3.2	Konsep dan Pengertian Nasionalisme	77
2.3.3	Nasionalisme dan Cabarannya	80
2.3.5	Kesimpulan	88
<b>BAB 3 : NASIONALISME DAN IDENTITI POLITIK DI MALAYSIA</b>		
3.0	Pengenalan	89
3.1	Malaysia : Latar Belakang Politik dan Sosial	90
3.2	Nasionalisme Melayu	91
3.2.1	Satu Naratif Nasionalisme Klasik (Abad Ke-19 dan 20)	91
3.2.2	Ke Arah Kebangkitan Menentang Inggeris (Nasionalisme Awal)	94
3.2.3	Abad Ke-20 Sebagai Era Kemunculan Nasionalisme Melayu	99
3.3	Identiti Politik Melayu	109
3.3.1	Dari Zaman Prasejarah Ke Zaman Kerajaan Melaka	109
a)	Kemunculan Melaka Sebagai 'Perintis' Politik Melayu	111
b)	Kemunculan Identiti Politik Melayu 'Sebenar'	112
3.3.2	Latar Belakang Identiti (Politik) Malaysia Sebelum dan Selepas Merdeka	115
3.3.3	Malaysia dan Persoalan Identiti Politik Masa Kini	121
3.4	Kesimpulan	126

**BAB 4 : PULAU SEBATIK (WALLACE BAY)**

4.1	Sebatik	128
4.2	Tawau	130
4.3	Wallace Bay	133
4.3.1	Sejarah Wallace Bay	138
4.3.2	Asal Usul Nama Wallace Bay	138
4.3.3	Kewujudan Syarikat Gergasi Pembalakan Sebagai Pentadbir Wallace Bay	140
a)	Syarikat British Bombay Burma Trading Company Limited (BBTCL)	140
b)	North Borneo Timber (NBT)	144
4.4	Kesimpulan	149

**BAB 5 : IDENTITI POLITIK DAN NASIONALISME WALLACE BAY**

5.0	Pengenalan	151
5.1	Pertimbangan Aspek Politik, Sosial dan Persempadanan	150
5.1.1	Politik	152
a)	Kepekaan Terhadap Kepemimpinan Tertinggi	152
b)	Kesedaran/Kepekaan Terhadap Hari Kemerdekaan	153
c)	Hari Kemerdekaan dan Cara Sambutan Kemerdekaan	156
5.1.2	Sosial	167
a)	Komposisi Masyarakat Asal Indonesia	167
b)	Pergerakan Penduduk Ke Indonesia	169
5.1.3	Persempadanan	172
5.1.4	Ancaman Ketika Gawat	176
5.2	Kesimpulan	178

<b>BAB 6 : KESIMPULAN</b>	180
<b>CADANGAN</b>	191
<b>RUJUKAN</b>	196
<b>LAMPIRAN</b>	201

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1 Gambaran Konsep Keselamatan Tradisional (Klasik)	34
Rajah 2.1 Gambaran Konsep Keselamatan Non-Tradisional (Baru)	40

## **SENARAI PETA**

	<b>Halaman</b>
Peta 4.1: Pulau Sebatik Malaysia dan Indonesia	128
Peta 4.2 : Pembahagian Malaysia Mengikut Konvensyen 1891	129
Peta 4.3: Lokasi Daerah Tawau	131

## SENARAI CARTA PAI

	Halaman
Carta Pai 5.1: Pengetahuan Tentang Pemimpin Tertinggi Malaysia oleh Penduduk Kg. Wallace Bay Pulau Sebatik	153
Carta Pai 5.2: Pengetahuan Tentang Pemimpin Tertinggi Indonesia oleh Penduduk Kg. Wallace Bay Pulau Sebatik	153
Carta Pai 5.3: Pengetahuan Masyarakat Kg. Wallace Bay Tentang Hari Kemerdekaan Malaysia	155
Carta Pai 5.4: Pengetahuan Masyarakat Kg. Wallace Bay Tentang Hari Kemerdekaan Indonesia	155
Carta Pai 5.5: Tempoh Pemasangan Bendera Semasa Bulan Kemerdekaan Masyarakat Kg. Wallace Bay	161
Carta Pai 5.6: Jumlah Pergerakan Masyarakat Wallace Bay Ke Indonesia Dalam Setahun	170
Carta Pai 5.7: Pandangan Masyarakat Kg. Wallace Bay Terhadap Kewujudan Persempadanan Malaysia-Indonesia	173
Carta Pai 5.7: Pandangan Masyarakat Wallace Bay Terhadap Kewujudan Pengaruh Malaysia-Indonesia	175
Carta Pai 6.1: Respon Komuniti Wallace Bay Terhadap Soalan Andaian Malaysia-Indonesia Berperang	177
Carta Pai 6.2: Respon Komuniti Wallace Bay Terhadap Soalan Andaian Malaysia-Filipina Berperang	178

## SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 4.1 : Bandar Tawau Dalam Tahun 1950-an	133
Gambar 4.1 : Bot Penumpang:Pengagutan Utama Menghubungkan Tawau-Wallace Bay	134
Gambar 4.2 : Lima Kampung (lorong) Di Wallace Bay	135
Gambar 4.3 : Kemudahan-Kemudahan Di Wallace Bay	137-138
Gambar 4.4 : Hasil Kayu Balak dari Kalabakan Milik BBTCL	141
Gambar 4.5 : Kayu Balak Di Hutan Wallace Bay	141
Gambar 4.6 : Antara Pekerja-Pekerja Asing dari Indonesia ke Sebatik	142
Gambar 4.6 : Bentuk Rumah Untuk Pekerja Dan Pegawai Yang Dibina Oleh BBTCL 1950-an	143
Gambar 4.7 : Kapal-Kapal Milik NBT	145
Gambar 4.8 : Antara Kedai-Kedai Yang Pernah Wujud Semasa NBT	147-148
Gambar 4.9 : Kapal Pengangkut Penumpang dan Staf (Dalam gambar, Patrick Barganja, salah seorang pegawai mengurus kapal)	148
Gambar 5.1: Aktiviti Menaikkan Bendera Awal Pagi 31 Ogos, Penduduk Kampung Bersama Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Mentadak Baru	157
Gambar 5.2: Program Sambutan Kemerdekaan 'Lambaian Merdeka' SK Wallace Bay Bersama Penduduk Kampung	158
Gambar 5.3: Aktiviti Kembara Merentas Sebatik Sempena Sambutan Kemerdekaan Malaysia	159
Gambar 5.4: Salah Satu Aktiviti Pada Majlis Malam Penutupan Bulan kemerdekaan Kg. Wallace Bay Sebatik	160
Gambar 5.5 : Pemasangan Bendera Diserata Wallace Bay	161-162
Gambar 5.6 : Contoh Kad Keahlian Parti BERJAYA KK Omar Bin Ahmad dan Isteri,Patimah Bt Salleh	163
Gambar 5.7: Ketua Kampung Bersama Petugas Pilihanraya (1970-an)	164

Gambar 5.8: Penduduk Kampung Wallace Bay Sedang Berbaris Untuk Membuang Undi (1990-an)	164
Gambar 5.9: Petugas Pilihanraya Sebatik 1980-an	164
Gambar 5.10: Penglibatan Masyarakat Dalam Pilihanraya Umum Ke-12 Pulau Sebatik (Wallace Bay) 2008	165
Gambar 5.11: Penduduk Dari Nunukan Mendapatkan Barang Dari Sebatik (Malaysia) Pemerhatian dari Kg. Mentadak Baru	171
Gambar 5.12: Sempadan Darat Sebatik Malaysia-Indonesia	172
Gambar 5.13: Sempadan Laut Sebatik Malaysia-Indonesia (Nunukan)	172

## **SENARAI SINGKATAN**

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ASEAN	Association of South East Asian Nation
ASEN	Association for The Ethnicity and Nationalism
BBTCL	British Borneo Burma Trading Company Limited
CRISE	Centre for Research on Inequality Human Security and Ethnicity
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DUN	Dewan Undangan Negeri
GDW	Gerakan Desa Wawasan
IT	Information Technology
JKKK	Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
MPAJA	Malayan People's Anti Japanese Army
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
NBT	North Borneo Timber
NGO	Non-Governmental Organization
NM	Negara Mundur
NNS	Negeri-Negeri Selat
NNMB	Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
NSM	Negara Sedang Membangun
OAU	Organization of African Unity
PDI	Perang Dunia Pertama
PDII	Perang Dunia Kedua
PERIKATAN	Gabungan parti UMNO, MIC dan MCA

SHTI	Syarikat Hindia Timur Inggeris
TNC	Transnational Corporation
UMO	United Malays Organization
UMNO	United Malays National Organization
UNDP	United Nations Development Programme

## BAB 1

### MEMPERTIMBANGKAN PERSOALAN

#### 1.0 Latarbelakang Kajian

Aspek keselamatan negara dalam meneruskan proses *survival* dalam dunia global amat penting sejak dahulu hingga kini. Cabaran negara untuk menghadapi segala bentuk ancaman keselamatan dari segenap aspek meletakkan negara perlu sentiasa berasimilasi dengan situasi global masa kini bagi memastikan setiap negara dapat menahan segala bentuk cabaran yang mungkin boleh meruntuhkan sistem negara pada bila-bila masa. Lebih-lebih lagi dengan kemunculan bentuk-bentuk keselamatan baharu yang membawa ancaman lebih besar.

Justeru, pencapaian tahap keselamatan bagi sesebuah negara dari semua segi bukanlah sesuatu sesuatu yang mudah dicapai. Selain soal kekuahan pertahanan ketenteraan, cabaran keselamatan dalam aspek politik dan sosial adalah antara cabaran baharu bagi setiap negara mencapai tahap keselamatan pada tahap maksimum. Bagi negara dunia ketiga seperti Malaysia, persoalan keselamatan baharu yang berbentuk *intangible* (yang tidak nampak dan tersirat) seperti persoalan keselamatan politik dan sosial merupakan cabaran utama dalam proses menstabilkan sistem keselamatan negara.<sup>1</sup> Persoalan komuniti sosial dan kesan tindakan sosial

---

<sup>1</sup> Berbanding dengan persoalan keselamatan *tangible* (bentuk soal keselamatan yang nyata seperti ketenteraan dan persenjataan) yang biasanya merujuk kepada negara-negara maju dan negara dunia pertama, persoalan keselamatan utama bagi negara dunia ketiga seperti Malaysia adalah lebih tertumpu kepada soal *national security*. Persoalan keselamatan politik dan keselamatan sosial merupakan antara agenda utama dalam keselamatan negara sedang membangun seperti Malaysia ini. Melihat realiti komposisi masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, permasalahan sosial rapuh seperti sensitiviti perkauman, kesalahfahaman kaum dan persaingan mendapatkan hak (ekonomi dan kuasa) yang sama mungkin boleh membawa kepada bentuk-bentuk bantahan, demonstrasi dan mungkin sehingga ke kepada tercetusnya permintaan sekelompok komuniti masyarakat menuntut kepada sebarang bentuk pengasingan (wilayah dan pemerintahan politik) merupakan masalah keselamatan sosial yang perlu secara berhati-hati diuruskan dengan cermat. Masalah-masalah ini sekiranya diselami secara mendalam sebagai hasil terakhir kepada kemuncak konflik (perkauman), soal pengidentitian orientasi kenegaraan diri terhadap negara beserta dengan nasionalisme rakyat akan terjejas. Kemungkinan berlakunya semua masalah ini akan memberi ancaman terhadap keselamatan politik yang akan menggugat kestabilan keselamatan negara secara keseluruhan melalui kesan ancaman seperti gangguan terhadap dasar dan kekuasaan kerajaan yang sedang memerintah. Kerencaman ini sekaligus memberi kesan terhadap kestabilan ekonomi negara.



menjadi soal utama dalam hal ini. Peranan masyarakat sosial sangat menentukan sistem keselamatan negara (*national security*).

Aspek ini menjadi lebih rumit dan kompleks jika dikaitkan dengan kumpulan masyarakat yang menghuni kawasan persempadanan negara. Pendedahan mereka secara lebih terbuka terhadap pengaruh asing (negara jiran) memungkinkan komuniti sosial Malaysia di persempadanan terjejas soal pendirian identiti politik (orientasi kenegaraan) dan nasionalisme penduduk (rakyat) sekali gus boleh memberikan kesan negatif terhadap tahap keselamatan negara.<sup>2</sup>

Justeru, politik (orientasi pendirian politik) dan keselamatan adalah dua terma yang mempunyai perkaitan yang sangat rapat. Hubungan simbiosis ini meletakkan keselamatan sebagai salah satu daripada aspek politik. Persoalan keselamatan merupakan agenda klasik bagi setiap negara semenjak terbentuknya konsep negara-bangsa khasnya selepas termeterainya Perjanjian Westphalia Oktober 1648.<sup>3</sup>

Persoalan ini (keselamatan) menjadi semakin penting, terutamanya selepas berakhirnya Perang Dingin di antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet, serta setelah kejatuhan Tembok Berlin (1989). Konsep keselamatan telah menjadi

<sup>2</sup> Masalah persempadanan dan negara (khususnya kedaulatan negara) merupakan masalah global dan kenyataannya melibatkan banyak negara. Sama ada ia melibatkan pencerobohan persempadanan negara (Israel-Palestin), perebutan wilayah di persempadanan (India-Pakistan (Kashmir), ketegasan negara terhadap soal kedaulatan garisan sempadan memisahkan dua negara (Korea Utara-Korea Selatan), masalah penyeludupan merentasi sempadan (Amerika-Mexico), pertindihan tuntutan hak ke atas wilayah (pulau) seperti (Malaysia-Indonesia, Singapura-Malaysia) serta perebutan sumber di zon wilayah kelautan dan banyak lagi merupakan masalah persempadanan peringkat antarabangsa. Namun isu persempadanan ini paling penting juga merujuk kepada elemen masyarakat sosial di persempadanan yang memainkan peranan dalam menentukan keselamatan negara di sempadan dengan fungsi mereka sebagai *gateway* (pintu masuk) ataupun benteng bagi mengelakkan sebarang anasir negatif menyerap. Soal orientasi mereka terhadap siapa (negara) menjadi fokus dalam menjelaskan tahap keselamatan di sempadan.

<sup>3</sup> Perjanjian ataupun *Treaty Westphalia* ini merupakan perjanjian yang menamatkan perang selama 30 tahun diantara wakil daripada Rom, Jerman, Belanda, Perancis dan Switzerland dan juga diantara Sepanyol dan Perancis. Selepas perang ini tamat, setiap kuasa mula menyedari tentang keperitan dalam kancah peperangan dan kekuuhan sistem pertahanan menjadi agenda penting dalam menghadapi peperangan. Justeru, bagi mengukuhkan sistem pertahanan negara soal keselamatan negara mula menjadi perhatian dengan pengukuhan sistem pertahanan sangat diutamakan. Perjanjian Westphalia yang selepas itu telah membentuk sistem negara moden telah mula melihat aspek keselamatan sebagai aspek paling penting menghadapi apa-apa kemungkinan yang boleh mengancam negara yang baru terbentuk.

semakin penting dan semakin bertambah kompleks. Tambahan lagi, selepas tercetusnya peristiwa 11 September 2001, ramai pihak telah mula mengkaji dan memperkuuhkan aspek keselamatan masing-masing. Lebih-lebih lagi dengan proses globalisasi yang membentuk dunia tanpa sempadan yang didorong oleh aktiviti pesat dan tidak terkawal dunia.<sup>4</sup> Menurut pandangan Robertson, globalisasi adalah di gambarkan sebagai *compression of the world*<sup>5</sup>. Di atas persoalan ini, aspek keselamatan negara semakin diambil berat.

Secara amnya, negara-negara di dunia telah dibahagikan kepada tiga kelompok, iaitu Negara Maju, Negara Sedang membangun (NSM) dan Negara Mundur (NM) yang dahulunya dikenali sebagai negara dunia pertama kedua dan ketiga.<sup>6</sup> Pembahagian ini sekali gus telah turut membawa perbezaan terhadap wacana keselamatan untuk setiap kelompok negara.<sup>7</sup>

<sup>4</sup> Perkembangan hebat globalisasi tidak kurang pentingnya disebabkan oleh aktiviti manusia yang melibatkan persempadanan negara dan aktiviti-aktiviti yang memerlukan manusia merentasi sempadan nasional. Menurut (McGrew 1992:63), Penyebab utama globalisasi semakin tidak terkawal adalah melalui kewujudan sistem kewangan global yang dinamik, kehebatan perkembangan aktiviti syarikat-syarikat korporat, antarabangsa mahupun Transnational Corporation (TNC), kewujudan sistem jaringan canggih komunikasi, media dan komputer; pengeluaran dan penyebaran ilmu pengetahuan atau maklumat dan gabungannya dengan faktor lain seperti peningkatan makna amalan keagamaan, dan ikatan etnik; pertambahan dan kebanjiran manusia merentasi sempadan nasional, dan kemunculan autoriti insititusi dalam sesetengah masyarakat mengatasi negara bangsa itu sendiri, secara tidak langsung memberitahu akan kekuatan kes globalisasi ini agar kita dapat menilai semula konsep masyarakat atau negara-bangsa dalam dunia masa kini.

<sup>5</sup> Khondker, H. 1997. *Globalization Theory:A Critical Appraisal*, dalam HM Dahlan (ed.). ASEAN In The Global System. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm.111.

<sup>6</sup>"Negara Maju dan Negara Berkembang" (atas talian) [http://www.crayonpedia.org/mw/BSE:Negara\\_Berkembang\\_dan\\_Negara\\_Maju\\_9.1\\_\(BAB\\_1\)\\_I](http://www.crayonpedia.org/mw/BSE:Negara_Berkembang_dan_Negara_Maju_9.1_(BAB_1)_I) PS. Dicetak 13 Februari 2009.

<sup>7</sup> Sity Daud dan Zarina Othman. (ed.). 2005. *Memikir Semula Persoalan Politik dan Keselamatan*. Dalam Sity Daud dan Zarina Othman *Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 18.

Bagi Negara Maju (khususnya negara kapitalis dan demokrasi)<sup>8</sup> dan Negara Sedang Membangun, fokus utama keselamatan mereka adalah tertumpu kepada keselamatan fizikal negara terutamanya aspek militari dan persenjataan. Berbeza dengan Negara Mundur, isu-isu keselamatan negaranya dikatakan hanya diarahkan kepada hal-hal domestik yang secara umumnya adalah merupakan proses *survival* (meneruskan kelangsungan hidup) sahaja (dalam dunia antarabangsa.)<sup>9</sup>

Malaysia sebagai sebuah negara yang komited dalam mengejar status negara maju menjelang tahun 2020, tidak terlepas daripada beberapa masalah keselamatan *intangible* yang jika tidak diambil perhatian boleh memberi ancaman terus terhadap keselamatan negara. Persoalan berkaitan keselamatan (*intangible*) ini, suatu masa nanti akan memberi impak yang sangat besar kepada negara ini khususnya dari sudut keselamatan negara.

Persoalan tentang isu keselamatan di Malaysia kebelakangan ini merupakan satu isu yang selalu didengar, namun soal dan hala tuju yang di fokuskan hanya berkenaan dengan persoalan keselamatan yang jelas (*tangible*), seperti keselamatan daripada ancaman ketenteraan, keselamatan perairan, keselamatan melibatkan kesihatan penduduk, keselamatan dalam hal-hal ekonomi, bencana alam dan juga masalah-masalah biasa lain.<sup>10</sup>

---

<sup>8</sup> Khususnya melibatkan negara kuasa besar ekonomi dan politik seperti Amerika Syarikat (AS), China, Jepun dan (juga termasuk Korea Utara), perbelanjaan dalam aspek ketenteraan khasnya mencatatkan satu angka perbelanjaan yang sangat signifikan dalam memastikan soal keselamatan negara dan mengelakkan pengaruh dapat dicapai. Bagi kuasa besar seperti Amerika Syarikat, nilai perbelanjaan aspek ketenteraan dan pembangunan militari mencapai USD 1 Trillion (2007) dan bajet ini ditambah lagi melebihi AS\$100 billion (RM323 bilion) dalam bajet tambahan ketenteraan untuk tahun 2009 (Utusan Online 8 Februari 2008). Ini meletakkan Amerika Syarikat sebagai negara pengeluar bajet terbesar dunia dalam aspek perbelanjaan ketenteraan. China pula adalah pengeluar bajet ketiga terbesar dunia dalam perbelanjaan ketenteraan dan tindakan ini penting dilihat dalam menyeimbangkan kuasa ketenteraan dari Barat (AS). Korea Utara pula pernah dinyatakan sebagai negara yang membelanjakan wang untuk pembangunan ketenteraan (nuklear) yang lebih dipentingkan berbanding dengan menjaga kebijakan rakyatnya yang miskin.

<sup>9</sup> Sity Daud dan Zarina Othman. (ed.). 2005. *Keselamatan Insan dan Jaringan Keselamatan Sosial*. Dalam Sity Daud dan Zarina Othman *Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm.192.

<sup>10</sup> *Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara*. Kertas Perintah 14 Tahun 1988. hlm.3-5.

Namun, jika diteliti terdapat satu masalah yang memberi ancaman keselamatan terhadap Malaysia dari sudut yang lain, iaitu masalah di persempadan Malaysia yang melibatkan beberapa buah negara di sekitarnya, terutamanya Indonesia, Thailand dan Singapura. Berbanding dengan Indonesia, penekanan perbincangan soal persempadanan didapati lebih banyak melibatkan isu-isu persempadanan di antara Malaysia dengan Thailand mahupun soal Malaysia dengan Singapura.<sup>11</sup> Isu persempadanan Malaysia khususnya dengan Indonesia adalah isu yang dilihat amat jarang diutarakan di media massa mahupun dalam bentuk kajian ilmiah. Walhal persoalan keselamatan persempadanan Malaysia melibatkan negara sekitarnya adalah sama-sama persoalan penting untuk aspek keselamatan Malaysia ke hadapan. Lebih-lebih lagi, permasalahan persempadanan Malaysia-Indonesia yang mencetuskan polemik keselamatan yang dalam banyak hal boleh memudarangkan kerajaan Malaysia suatu masa nanti.<sup>12</sup>

Masalah kependudukan di sempadan Malaysia-Indonesia, terutamanya dalam kalangan komuniti sempadan adalah satu perkara yang seharusnya diberi perhatian. Khususnya perihal yang bersangkutan dengan identiti politik rakyat Malaysia di sempadan; sesuatu hal yang perlu dikaji dan ditelusuri secara mendalam lagi kritis bagi meninjau dan mengenal pasti bagaimanakah tahap identiti politik rakyat kita di sempadan, dan apakah impaknya terhadap masa depan negara dalam tempoh jangka masa yang panjang. Komuniti sempadan umumnya dilihat kelompok kecil yang kurang signifikan dalam pembangunan negara. Namun dari aspek keselamatan negara, kelompok ini dilihat memegang peranan yang sangat besar dalam aspek keselamatan sosial (khususnya) dengan kedudukan mereka yang berdekatan dengan negara-negara jiran dan di bahagian persempadanan negara ini, mereka boleh bertindak sebagai benteng pertahanan negara dari sebarang anasir jahat luar (dari negara jiran) melalui pemaparan ketaatsetiaan yang tebal terhadap negara ataupun juga mereka boleh menjadi pintu masuk (laluan) kepada sebarang ancaman jahat

<sup>11</sup> Isu berkaitan Malaysia-Thailand yang banyak ditekankan adalah seperti soal penyeludupan barang terkawal di Malaysia, penyeludupan hidupan liar dilindungi, persoalan Sungai Golok dan migrasi tidak terkawal dan juga soal konflik di Thak Bai yang gempar suatu ketika dulu. Soal Singapura-Malaysia pula adalah seperti soal pertindihan tuntutan pulau, ancaman keselamatan Singapura, penyeludupan barang dan isu-isu lain berkenaan dengan Johor-Singapura.

<sup>12</sup> Nanang Syaikhu. 2008. *Malaysia-Indonesia Miliki Hubungan Sejarah Kuat* (atas talian) [www.uinjkt.ac.id/142-malaysia-indonesia-miliki-hubungan-sejarah-kuat](http://www.uinjkt.ac.id/142-malaysia-indonesia-miliki-hubungan-sejarah-kuat) Dicetak 13 Februari 2009.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2000. *Negara Bangsa: Proses dan Perbaasan*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Hj. Ismail. 2005. *Malaysia : Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Rahman Ahmad. 49 tahun. Kg Wallace Bay Sebatik (Malaysia). Pengurus Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKK) Kg Wallace Bay. Sabah. 22 Mei 2008.
- Abdullah Bin Tahir. 49 tahun. Kg Mentadak Baru, Sebatik (Malaysia). Ketua Kampung Mentadak Baru. Sabah (Malaysia)".22 Mei 2008.
- Ahmad Sudin. 54 tahun. Kg Wallace Bay. Sebatik (Malaysia). Nelayan. 2 April 2008.
- Ahmad Boestamam. 2004. *Nasionalisme Melayu*. Terj. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- "Ancient Individualism" (atas talian) [http://www.brill.nl/product\\_id23078.htm](http://www.brill.nl/product_id23078.htm)  
Dicetak 16 Julai 2007.
- Arsad Bin Bacho. 30 tahun. Sebatik (Malaysia). 23 Mei 2008.
- Asep Setiawan. Isu-Isu Hubungan Pasca Perang Dingin. (atas talian) <http://globalisasi.wordpress.com/2006/07/10/isu-isu-hubungan-internasional-pasca-perang-dingin/> Dicetak 7 November 2007.
- Azmah Abdul Manaf. 2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Selangor: Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd.
- "Background Note : Malaysia" (atas talian)  
<http://www.state.gov/r/pa/ei/bgn/2777.htm>. Dicetak 12 Januari 2007.
- Baradat, L. P.1997. Nationalism dalam *Political Ideologies : Their Origins and Impact*. New Jersey: Prentice Hall.
- Brown, G. K. 2005. *The Formation And Management of Political Identities:Indonesia Malaysia Compared*. Kertas Kerja Centre for Research on Inequality. Februari 2005. Anjuran Human Security and Ethnicity (CRISE). London: University of Oxford.
- Buletin 1.30. TV3. 2007. 25 November.
- Buttle, N. 2000. Critical Nationalism: A liberal Prescription?, Dalam *Nations and Nationalism* Vol. 6 (1). Bristol (England): Journal of The Association for The Ethnicity and Nationalism (ASEN).
- Buzan, B. 1991. *People, State & Fear : An Agenda For International Security Studies In The Post Cold War Era*. Colorado: Lynne Rienne Publisher.

- Buzan, B., Waever, O, dan Wilde, J.D. 1998. *Security:A New Framework For Analysis*. Colorado: Lynne Rienner Publisher.
- Collins, A. 2007. *Contemporary Security Studies*. United States of America: Oxford University Press.
- Collins, H. 1996. *Nationalism : Contemporary Political Ideologies : Movements and Regimes*. Whitney: College Publishers.
- Colonel M.W. H. *The Illusion of Choice: Options For Canadian Security*. (atas talian) <http://www.cfc.forces.gc.ca/papers/nssc/nssc5/hache.doc> Dicetak 21 Mac 2009.
- Daily Express. 2005. Malaysian Sebatik Folks Cautioned on Border. 15 Jun: 18.
- Dr. Petr, S.*Role of Security and Strategic Studies Within International Studies*. (atastalian)[http://www.army.cz/mo/obrana\\_a\\_strategie/2-2003eng/suchy.pdf](http://www.army.cz/mo/obrana_a_strategie/2-2003eng/suchy.pdf) Dicetak 16 November 2007.
- "Europe in Early Nationalism" (atas talian) <http://fisip.unmul.ac.id/dat/articles/nasionalisme.html> . Dicetak 20 Januari 2007.Esman, M. J. 1994. *Ethnic Politics*. United States of America: Cornell University Press.
- Fish, E. dan Wood, P. K. 1999. *Citizenship & Identity*. London: SAGE Publication.
- Ford, R. T. 2005. *Political Identity as Identity Politics*. Journal of Unbound. Vol 1:53.
- Gibbons, D. S. 1989. Perpaduan Nasional dan Kepelbagaiannya Kebudayaan di Malaysia Dalam *Integrasi Politik: Kumpulan Rencana Pilihan* (Syed Ahmad Hussein dan Y. Mansoor Marican). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gungwu, Wang (ed.). 2005. *Nation-Building Five South East Asian Histories*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Hj. Ambodallea Maming. 57 tahun. Kg Wallace Bay. Sebatik (Malaysia). Bekas Pengerusi JKK. 23 Mei 2008.
- Hj Smaili Samad(Kedai Ismail Bersaudara). 53 tahun. Kg. Mentadak Baru (Sebatik Malaysia). Peniaga Kedai Runcit. 16 November 2009.
- Hj.Tahir Ahmad. 60 tahun. Kg. Sungai Hj. Kuning, Sebatik (Malaysia). Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKK) Kg Sungai Hj. Kuning. 20 September 2007.
- "Sebatik, One Island Two Countries" (atas talian)<http://www.banners/interstitial.html?http://oasis.fortunecity.com/cuba/293/history.htm> Dicetak 13 Januari 2008.
- Ishak Bin Ali. 86 tahun. Kg.Mentadak Baru. Pesara. 23 Mei 2008.

- Jasso, G. dan Milgrom, E. M. M. 2004. *Identity, Social Distance, and Palestinian Support For The Roadmap*. New York: New York University.
- John Tomlinson. 2003. "Globalization and Cultural Identity" (atas talian) <http://www.polity.co.uk/global/pdf/GTReader2eTomlinson.pdf>. Dicetak 27 November 2007.
- Kayat Bin Sulaiman. 55 tahun. Kg Mentadak Baru. Sebatik (Malaysia). Ketua Kampung Wallace Bay. 1 April 2008.
- Kedourie, E. 1960. *Nationalism*. New York: Frederick A. Praeger.
- Khondker, H. H. 1997. Globalization Theory:A Critical Appraisal. dalam *ASEAN In The Global System*. HM Dahlan (ed.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lipschutz, R. D. 2001. *(B)orders and (D)isorders:The Role of Moral Authority in Global Politics*. dalam Albert (et.al). Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Mack, A. 2004. *Human Security:More Than Just a Good Idea?* Kertas kerja BICC 10-Year Anniversary Conference: Promoting Security: But How and For Whom? 1-2 April 2004. Hause der Geschichte. Denmark.
- Mansbach, R. W. dan Wilmer, F. 2001. War, Violence, and Westphalian State System as a Moral Community. Dalam Albert, W. *Identities Border Order: Rethinking International Relations Theory*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Mohamed Ayoob. 1995. *The Third World Security Predicament: State Making, Regional Conflict and The International System*. London: Lynne Rienner Publishers.
- Mohd. Foad Sakdan. 1997. *Asas Politik Malaysia*. Selangor Darul Ehsan: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- "Negara Maju dan Negara Berkembang" (atas talian) [http://www.crayonpedia.org/mw/BSE:Negara\\_Berkembang\\_dan\\_Negara\\_Maju\\_9.1\\_\(BAB\\_1\)\\_IPS](http://www.crayonpedia.org/mw/BSE:Negara_Berkembang_dan_Negara_Maju_9.1_(BAB_1)_IPS). Dicetak 13 Februari 2009.
- "Notions of Security: Shifting Concepts and Perspectives" 2007. (atas talian) <http://www.transnationalterrorism.eu/tekst/publications/Notions%20of%20Security.pdf> Dicetak 1 Februari 2010.
- Omar Bayai. 65 tahun. Kg Sungai Tamang. Sebatik (Malaysia). Ketua Kampung Kg. Sungai Tamang. 27 September 2007.
- Pak Budi Maming. 37 tahun. Kg. Sungai Hj. Kuning. Sebatik (Malaysia). Saudagar Minyak. 22 September 2007.Pendeta Kamus (CD ROM). 1996. Kamus Dewan Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Preston, P.W. 1997. *Political/Cultural Identity: Citizens and Nations in A Global Era*. Great Britain: Biddles Limited.

"Politik As Vocation" (atas talian) [http://www.ne.jp/asahi/moriyuki/abukuma/weber/lecture/politics\\_vocation.html](http://www.ne.jp/asahi/moriyuki/abukuma/weber/lecture/politics_vocation.html). Dicetak 14 Februari. 2009.

Ramlah Adam. 2005. *Dato' Onn Ja'far : Tokoh Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Roe, P. 2007. Societal Security. dalam Alan Collins. *Contemporary Security Studies*. United States of America Oxford University Press.

Rosazman Hussin. 2000. *Globalisasi : Beberapa Pendekatan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rusdi Hj. Bintang. 25 tahun. Kg. Wallace Bay Sebatik (Malaysia). Jabatan Muzium Sabah. 3 April 2008.

Rustum A. Sani. 2004. *Ke Mana Nasionalisme Melayu?*. Kuala Lumpur: R Publishing Services.

Samad Hj Bintang. 38 tahun. Kg. Wallace Bay Sebatik (Malaysia). Penolong Kanan 1 Sekolah Kebangsaan Wallace Bay Sebatik. 3 April 2008.

Sargent L. T. 2003. Nationalism dalam *Contemporary Political Ideologies : A Comparative Analysis*. California: Thompson Wadsworth.

Shara Ishak. 35 tahun. Kg Wallace Bay. Sebatik (Malaysia). 23 Mei 2008.

Shamsul Amri Baharuddin. 2002. *Pembentukan Perdebatan Mengenai Identiti di Malaysia : Dari 'Academic Analysis' ke 'Public Advocacy'*. Kertas Kerja Seminar Bulanan PPSPP. Universiti Kebangsaan Malaysia pada 5 April 2002.

Shamsul Amri Baharuddin. 2002. *Pembentukan dan Perdebatan Mengenai Identiti Di Malaysia : dari 'Academic Analysis' ke 'Public Advocacy'*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shamsul Amri Baharuddin. 1998. A Question of Identity : A Case Study of Malaysian-Islamic Revivalism and The Non-Muslim Response dalam *Nation-State, Identity and Religion in South East Asia*. Singapore: Singapore Society of Asian Studies.

"Sebatik" (atas talian) <http://www.worldislandinfo.com/DIVIDEDV1.htm> . Dicetak 17 Mac 2008.

Schnapper, D. 2002. Citizenship and National Identity in Europe. Dalam *Nations and Nationalism* Vol. 8 (1). Boulevard Raspail (Paris): Journal of The Association for The Ethnicity and Nationalism (ASEN).

- Smith A. D. 2003. *Nationalism : Theory, Ideology & History*. Malden: Blackwell Publishing Inc.
- Siti Daud & Zarina Othman. 2005. Memikir Semula Persoalan Politik dan Keselamatan. Dalam *Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hajar Abu Bakar Ali. 2002. Dasar Sosial dan Pembinaan-Pemuliharaan Negara-Bangsa Malaysia dalam *Pengantar Dasar Sosial Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Suraya Sintang. 2005. *Adat Masyarakat Bugis di Daerah Tawau*. Dalam Jurnal Kinabalu.Bil.11 (2005). Universiti Malaysia Sabah.
- Thomas, C. 1987. *In Search of Security : The Third World In International Relations*. Colorado: Harvester Wheatsheaf Books Ltd.
- Stanford Encyclopedia of Philosophy. 2002. University of Oxford.
- "Tawau" (atas talian) <http://www.mpt.org.com.my> . Dicetak 5 Februari 2007.
- Utusan Borneo. 2008. Penduduk Pulau Sebatik Hadapi Masalah Punggah Hasil Pertanian di Tawau. 4 April: 21.
- Vucetic, S. 2002. Traditional versus Societal Security and the Role of Securitization. Vol. III. No. 1. Berlin: University of Berlin.
- Wan Liz Wan Omar. 2000. Membina Bangsa Malaysia Bersatu-Padu: Impian dan Realiti dalam *Mengurus Agenda Abad Ke-21: Cabaran dan Persiapan dalam era Globalisasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Warta 1. RTM. 2007. 26 November.
- Watkins, F. M. 1964. Nationalism dalam *The Age of Ideology : Political Thought. 1750 To the Present*. New Jersey: Prentice Hall.
- Yusuf Isid@Ujang. 40 tahun. Kg Wallace Bay. Sebatik (Malaysia). Lembaga Kebudayaan Sabah. 22 Mei 2008.